



Meningkatkan Kreativiti Pelajar Geografi dalam Penghasilan Infografik: Kreatif dan Efektif dalam Penilaian Hasil Pembelajaran

ABSTRAK

Penilaian hasil pembelajaran merupakan aspek penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang berfungsi sebagai kaedah pengukuran hasil pembelajaran yang diperoleh oleh pelajar. Penghasilan infografik telah digunakan sebagai salah satu kaedah penilaian hasil pembelajaran yang kreatif dan efektif dalam meningkatkan keterlibatan dan minat pelajar dalam mempersembahkan hasil pembelajaran mereka. Satu kajian kuantitatif telah dilakukan dengan melibatkan seramai 308 pelajar yang major dan minor dalam Bidang Geografi. Kajian ini bagi mendapatkan maklumat dan pandangan para pelajar mengenai penghasilan infografik dalam menilai kreativiti hasil pembelajaran mereka. Hasil kajian mendapati kebanyakan pelajar berpendapat penghasilan infografik sangat membantu mereka dalam meningkatkan kefahaman dalam penyampaian informasi yang tertentu dan penghasilan infografik yang menarik membantu mereka dalam menyampaikan maklumat yang lebih cepat dan efektif berbanding menghasilkan laporan bertulis yang panjang. Selain itu, hasil kajian juga mendapati penghasilan infografik ini dapat membantu meningkatkan keterlibatan dan minat pelajar dalam pembelajaran dan dapat memberikan pengalaman dan pembelajaran yang menyeronokkan serta membantu mereka menjadi pelajar yang kreatif. Oleh itu, penghasilan infografik dapat dijadikan sebagai alternatif yang kreatif, inovatif dan efektif dalam menilai hasil pembelajaran kerana ia dapat memberikan kesan yang positif terhadap motivasi dan minat pelajar dalam mempelajari sesuatu topik. Dengan memanfaatkan teknologi infografik yang kreatif dan menarik, pelajar dapat menunjukkan kebolehan mereka dalam merangkumi informasi yang relevan dan menyampaikannya dengan cara yang efektif.

Kata kunci: kreativiti, infografik, hasil pembelajaran, kreatif

OBJEKTIF KAJIAN

Untuk mengkaji keberkesanan dan kreativiti pelajar dalam penghasilan infografik sebagai penilaian hasil pembelajaran.

Kajian survey telah dijalankan terhadap 308 pelajar yang Major dan Minor dalam Bidang Geografi dan telah menghasilkan infografik sebagai salah satu penilaian hasil pembelajaran.

NILAI TAMBAH

Infografik merupakan maklumat dalam bentuk bergambar yang membolehkan pelajar memahami topik pembelajaran dengan lebih mudah dan mengingati maklumat dengan lebih baik. Dengan menggunakan infografik, pelajar dapat menguasai topik pembelajaran dengan baik dan meningkatkan kreativiti serta keseronokan mereka dalam proses pembelajaran. Kajian survey yang dijalankan mendapati 95.4 peratus daripada 308 pelajar mengatakan bahawa penghasilan infografik memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan.

Selain itu, maklumat infografik yang menarik boleh menyumbang kepada penyampaian maklumat yang lebih berkesan dan menjadikannya lebih mudah untuk pelajar memahami isi kandungan maklumat yang ingin disampaikan. Kajian survey yang dijalankan mendapati 99.4 peratus daripada 308 pelajar mengatakan penghasilan infografik sangat membantu mereka meningkatkan kefahaman dalam penyampaian informasi yang tertentu.

Secara keseluruhannya, penghasilan infografik sebagai penilaian hasil pembelajaran boleh menambah nilai kepada pendidikan dengan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian maklumat, meningkatkan kefahaman pelajar, dan memupuk kreativiti dan keseronokan mereka dalam proses pembelajaran.

POTENSI KOMERSIAL

Penghasilan infografik:

1. boleh membantu pelajar membangunkan kemahiran penting dan bernilai dalam pasaran kerja hari ini, seperti analisis data, komunikasi visual dan reka bentuk grafik, memberikan mereka kelebihan dalam pasaran kerja dan berjaya dalam kerjaya mereka.
2. sebagai medium penyampaian yang ringkas dan berkesan yang boleh meningkatkan penglibatan dan pemahaman pelajar.
3. Menggunakan maklumat grafik sebagai penilaian pembelajaran boleh membantu mengurangkan masa untuk menyemak.

KEBOLEHGUNAAN

1 POTENSI FAEDAH

Penghasilan Infografik boleh menjadikan pembelajaran lebih menarik dan interaktif, serta meningkatkan minat dan penyertaan pelajar dalam proses pembelajaran.

Penghasilan infografik boleh membantu pelajar menghasilkan maklumat dengan lebih berkesan dan mempersembahkannya secara visual dan ringkas.

Penghasilan infografik memudahkan pemahaman yang lebih baik tentang maklumat yang kompleks dan mempersembahkan dalam bentuk yang mudah difahami.

2 CABARAN

Menghasilkan infografik yang kreatif dan menarik tentunya memerlukan kemahiran teknikal dalam visualisasi data dan reka bentuk grafik yang mungkin di luar kemampuan sesetengah pelajar. Hasil survey mendapati seramai 3.9 peratus daripada 308 pelajar berpendapat "penghasilan infografik tidak membantu saya menjadi pelajar yang kreatif"

Infografik yang dihasilkan mungkin tidak dapat merangkumi semua aspek topik atau perbincangan. Hasil survey mendapati seramai 13.3 peratus pelajar mengatakan "penghasilan infografik tidak memberikan gambaran yang jelas dan menyeluruh tentang sesuatu maklumat yang dipaparkan.

Penilaian infografik mungkin subjektif, kerana tafsiran pelajar terhadap maklumat yang dipaparkan dalam infografik mungkin berbeza-beza.



Scan di sini untuk lihat pandangan pelajar dalam penghasilan infografik sebagai penilaian hasil pembelajaran.



Scan di sini untuk lihat hasil kajian survey yang telah dijalankan dengan menggunakan google form yang melibatkan 308 pelajar

DISEDIAKAN OLEH:

DR. NIK NORLIATI FITRI MD NOR

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM,
Pulau Pinang
emel: nikfitri@usm.my

